

15 MAY 2004

Mahathir-Pasaran

URUSKAN PASARAN DEMI KEBAIKAN MASYARAKAT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata pasaran perlu diuruskan demi kebaikan masyarakat dan bagi mencapai pertumbuhan dan meningkatkan lagi taraf hidup bagi semua rakyat Malaysia.

"Oleh itu kita tidak boleh membiarkan nasib kita ditentukan oleh pemain pasaran yang, mengikut definisinya, hanya mementingkan untuk mengaut keuntungan dan bukannya nasib masyarakat," katanya pada majlis makan malam Penghargaan Capital Market di sini.

Dr Mahathir berkata adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mempunyai pasaran modal yang berdaya maju dan dibangunkan dengan baik, bukan setakat mencapai matlamatnya tetapi sebagai pemangkin bagi sesuatu yang bernilai kepada masyarakat dan negara.

Dengan itu, katanya untuk mempunyai pasaran yang berdaya maju, peraturan dan syarat tidak harus terlalu ketat sehingga pasaran tidak boleh menjana inovasi yang mewujudkan dan menjana kekayaan.

"Yang jelas perlu ada keseimbangan antara apa yang dibenarkan dan apa yang tidak dibenarkan," katanya dalam ucapannya bertajuk "Pasaran Modal di Malaysia: Belajar Daripada Pengalaman Lepas dan Persediaan Untuk Masa Depan."

Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai pelan induk Pasaran Modal untuk menyediakan pelan yang strategik dan jelas bagi pembangunan masa depan pasaran modal Malaysia dan akan terus memainkan peranannya dalam ekonomi domestik secara berkesan.

"Kita mengharapkan pasaran modal yang terus dapat memenuhi pelbagai keperluan pelabur. Kita mengharapkan pasaran modal yang cukup dinamik yang boleh disesuaikan dan mengeksploitasi persekitaran yang sentiasa berubah.

"Selain itu kita juga mengharapkan pasaran modal yang mempunyai kedudukan baik yang dapat memberikan sumbangan signifikan terhadap

aspirasi  
kebangsaan negara dan adalah menjadi kewajiban kita semua untuk  
terus  
berusaha keras untuk mencapai pelbagai impian ini," katanya.

Dalam menghadapi cabaran akan datang, Dr Mahathir berkata ia  
memerlukan

cara berfikir yang baru di pihak peserta-peserta pasaran modal.

Beliau berkata "hari-hari yang baik" telah berlalu dan peserta-  
peserta

pasaran modal perlu bersiap sedia bagi menghadapi bukan semestinya  
"hari-hari yang buruk" tetapi bagi pelbagai peluang luar biasa dan  
cabaran

yang mengiringi hari-hari mendatang.

"Pemain-pemain pasaran kita perlu cepat belajar tekniknya dan  
perlu

lebih kompetitif dan mencari strategi baru untuk berjaya dalam  
persekitaran

yang lebih sukar," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata industri pasaran modal domestik perlu faham dan  
mengetahui peranan semulajadinya dan bersedia untuk bersaing bukan  
sahaja

dalam pasaran domestik tetapi juga di luar negara dan memanfaatkan  
peluang

yang diwujudkan oleh kemakmuran serantau.

Dr Mahathir berkata untuk kekal kompetitif dalam pasaran hari  
ini,

pemain-pemain pasaran modal Malaysia perlu bersedia untuk melakukan  
pembaharuan, tidak ketinggalan zaman dan menurutnya mereka perlu  
bijak

mencari dan mengenal pasti tempat dan sumber baru pertumbuhan dengan  
mengatasi pihak lain.

Mengenai kewangan Islam, Dr Mahathir berkata Malaysia telah  
berjaya

membuktikan etika Islam bukan penghalang kepada inovasi dalam  
pasaran itu

dan menurutnya sejak lebih 10 tahun lepas, pasaran modal Islam telah  
mengalami pertumbuhan pesat.

Beliau berkata pembiayaan bon Islam bagi entiti korporat kini  
semakin

mendapat tempat sepertimana pembiayaan menerusi bon konvensional  
daripada

segi populariti dan kepentingannya.

"Kaunter-kaunter Syariah dalam pasaran ekuiti pada hari ini  
mewakili

lebih 80 peratus jumlah syarikat senaraian di Bursa Malaysia,"  
katanya.

Dr Mahathir berkata pelancaran bon korporat global pertama di  
dunia

iaitu "sukuk ijarah" oleh syarikat Malaysia diikuti pengeluaran bon  
dunia

"sukuk ijarah" oleh kerajaan Malaysia pada 2002 adalah contoh  
keupayaan

Malaysia untuk melakukan pembaharuan dalam arena antarabangsa bagi produk mengikut kehendak Syariah.

Dr Mahathir turut menggesa industri pasaran modal meningkatkan tempo pembangunan pasaran modal Islam yang menurutnya Malaysia kini berada di kedudukan yang amat baik untuk membawa pembaharuan bagi produk-pasaran modal Islam di peringkat antarabangsa.

-- BERNAMA

VP AKT RHM